

Bimbang kerap kemalangan di Jalan Pelanduk

SINAR HARIAN 8/3/2017

KUANTAN-Pendudukyangtinggal berdekatan Jalan Pelanduk, Air Putih 4 di sini, bimbang berikutan kekerapan kemalangan di simpang jalan berkenaan.

Pengadu, Sam Kin Onn, 37, berkata, boleh dikatakan hampir setiap minggu ada kes kemalangan di kawasan terbabit.

“Saya buat permohonan untuk bina bonggol jalan kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sejak April 2016. Dulu di kawasan itu ada bonggol, tapi penurapan semula jalan menyebabkan kedua-dua bonggol yang ada hilang.

“Bila tiada bonggol jalan pengguna jalan raya akan memandu laju tanpa memikirkan

keselamatan orang ramai dan keadaan ini menyebabkan semua penduduk di kawasan itu bimbang kerana ia boleh membahayakan sesiapa saja yang melintas,” katanya semalam.

Sementara itu, Adun Semambu, Lee Chean Chung berkata, 10 permohonan pembinaan bonggol jalan diterima olehnya di lima kawasan selain di Jalan Pelanduk.

Menurutnya, kawasan terlibat ialah lima di Air Putih dan selebihnya di Kampung Padang, Seri Setali dan Galing.

“Saya terima aduan daripada penduduk untuk selesaikan permohonan dikemukakan kepada MPK, tetapi masih tiada tindakan

diambil,” katanya.

Selain itu, Chean Chung berkata, borang permohonan bonggol Jalan dihantar menerusi pejabat mereka 15 April 2016 dan 30 November 2016.

Menurutnya, namun sehingga ke hari ini kerja pembinaan bonggol jalan masih tidak dijalankan.

Mengulas mengenai isu itu, Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya telah menerima permohonan Kin Onn.

Menurutnya, permohonan itu tidak lengkap dan memerlukan sokongan Jawatankuasa Kemajuan Kampung Air Putih.

Chean Chung (tengah) menunjukkan surat permohonan yang dihantar kepada MPK pada April tahun lalu.